



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

19 Mei 2025

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini mengadakan prosiding berhubung Pembangunan Tanah Kuala Lumpur Di Bawah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) & Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang melibatkan saksi-saksi, Tuan Nadaswaran Murugasu Raja, Wartawan Bebas dan Puan Yap Yee Vonne, Setiausaha Politik kepada Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh Tseow Suan Ahli Parlimen bagi kawasan Segambut.
2. Manakala pada sesi petang pula PAC akan mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Perolehan Sistem *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertujuan mendapatkan penjelasan dan maklum balas daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) terhadap syor-syor PAC dalam Penyata PAC (DR.4/2025) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 6 Mac 2025.
3. PAC juga akan mengadakan prosiding-prosiding berikut:
 - i. Prosiding Tindakan Susulan Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta Prosiding Tindakan Susulan Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar

Sarawak dan Sabah di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang akan diadakan pada 20 Mei 2025; dan

- ii. Prosiding Tindakan Susulan Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) serta Prosiding berhubung Pembangunan Tanah Kuala Lumpur di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) & Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang akan diadakan pada 21 Mei 2025.
4. Selain itu, pada 19 hingga 21 Mei 2025, PAC turut menghadiri Asia-Pacific PAC Regional Workshop di Nadi, Fiji yang diwakili oleh Pengerusi PAC, YB Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Samsudin (Ahli Parlimen Masjid Tanah), YB Dr. Richard Rapu (Ahli Parlimen Betong) dan Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi (wakil Sekretariat PAC).
5. Asia-Pacific PAC Regional Workshop merupakan satu platform untuk memperkukuh peranan dan keberkesanan PAC di serantau Asia-Pacific dalam memastikan akauntabiliti kewangan kerajaan, berkongsi amalan terbaik serantau, serta meneroka strategi tindakan susulan terhadap laporan PAC. Bengkel ini juga bertujuan memanfaatkan alat Parlimen secara efektif, membina rangkaian kerjasama serantau, dan menyokong peningkatan tadbir urus serta integriti dalam sektor awam.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Samsudin
Pengerusi
Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara